



MAJLIS BANDARAYA IPOH

PEKELILING KEWANGAN BIL. 01/2025

Rujukan : Bil.(1) dlm.MBI.B1/12/2/12 Jld 2

Jabatan Perbendaharaan
Majlis Bandaraya Ipoh

31 Oktober 2025

Setiausaha Bandaraya
Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Unit
Majlis Bandaraya Ipoh.

Tuan/Puan,

PENUTUPAN AKAUN BAGI TAHUN KEWANGAN 2025

Dengan segala hormatnya saya memohon perhatian tuan/puan berhubung perkara di atas.

2. Pekeliling ini bertujuan untuk menerangkan mengenai tatacara yang perlu dipatuhi oleh Jabatan/Bahagian/Unit berkaitan penutupan akaun tahun kewangan berakhir 2025 bagi melancarkan proses penutupan dan membolehkan **Penyata Kewangan Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025** dapat disediakan dengan lengkap dan sempurna serta tepat pada masanya.

3. Berhubung dengan perkara ini, dimaklumkan bahawa **semua perolehan (bekalan/perkhidmatan/kerja) bagi tahun 2025 (tahun semasa), hendaklah lengkap dan sempurna dilaksanakan pada atau sebelum 31 Disember 2025 (Rabu)**. Oleh yang demikian pematuhan terhadap tarikh-tarikh akhir bagi penyerahan dan penghantaran dokumen hendaklah diambil perhatian seperti berikut :-

**PEKELILING KEWANGAN BIL. 01/2025 :
PENUTUPAN AKAUN BAGI TAHUN KEWANGAN 2025**

BIL	PERKARA	TARIKH AKHIR
1.	Pindah Peruntukan (Virement)	
	Tarikh akhir permohonan Pindah Peruntukan (Virement)	28 Nov 2025 (Jumaat)
2.	Pendahuluan Diri / Pelbagai	
	Tarikh akhir permohonan pendahuluan diri / pelbagai Nota: Sila pastikan tarikh program selewat-lewatnya diadakan pada atau sebelum 15 Disember 2025 (Isnin).	28 Nov 2025 (Jumaat)
	Tarikh akhir pelarasan pendahuluan diri / pelbagai	15 Dis 2025 (Isnin)
3.	Panjar Wang Runcit	
	Tarikh akhir pembelian dan tuntutan panjar wang runcit	15 Dis 2025 (Isnin)
4.	Kad Kredit Korporat	
	Tarikh akhir penggunaan Kad Kredit Korporat	20 Nov 2025 (Khamis)
5.	Permohonan Pembelian	
	Tarikh akhir untuk mengemukakan Permohonan Pembelian (MBI 2/86) kepada Unit Bayaran, Jabatan Perbendaharaan kecuali bagi <i>*bekalan kecemasan. *Bekalan kecemasan bermaksud bekalan yang diperlukan segera dan tanpanya akan menjejaskan operasi dan perkhidmatan Majlis.</i> Permohonan Pembelian yang dikemukakan selepas tarikh ini TIDAK DITERIMA.	28 Nov 2025 (Jumaat)
6.	Pesanan Pembelian (LO)	
	Tarikh akhir penyediaan Pesanan Pembelian (<i>Local Order – MBI 1/86</i>) dan TIADA Pesanan Pembelian akan dikeluarkan selepas tarikh tersebut	15 Dis 2025 (Isnin)
	Jabatan /Unit perlu memastikan semua perolehan (bekalan/perkhidmatan/kerja) telah lengkap dan sempurna dilaksanakan. Ruangan Bahagian C dalam Pesanan Pembelian (<i>Local Order – MBI 1/86</i>) juga telah dilengkapi beserta tandatangan.	31 Dis 2025 (Rabu)
	Tarikh akhir untuk mengemukakan Pesanan Pembelian (LO) ke Unit Bayaran, Jabatan Perbendaharaan	5 Jan 2026 (Isnin)

**PEKELILING KEWANGAN BIL. 01/2025 :
PENUTUPAN AKAUN BAGI TAHUN KEWANGAN 2025**

Tarikh Akhir Menerima Bekalan / Perkhidmatan /Kerja			
7.	Tarikh Akhir Menerima Bekalan / Perkhidmatan /Kerja (Tarikh Pengesahan Di Bahagian C bagi Semua Pesanan yang telah dikeluarkan Nota: (Pembatalan Pesanan Pembelian serta-merta jika tidak dipatuhi) Walau bagaimanapun, jika Jabatan masih memerlukan bekalan/perkhidmatan/kerja tersebut, Pesanan Pembelian yang baru hendaklah dikeluarkan dan dicajkan kepada peruntukan tahun 2026. Untuk makluman, kegagalan bagi mematuhi Pekeliling Kewangan ini akan memberi implikasi kepada peningkatan pembayaran AP58 / AP59 Majlis di masa akan datang. (Rujuk Arahan Kewangan Bil 13/2014 bagi Garis Panduan Pembayaran Di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) [AP 58(a)] dan Arahan Perbendaharaan 59 [AP59] bagi Majlis Bandaraya Ipoh.	31 Dis 2025 (Rabu)	
	Baucar Bayaran		
	Mengemukakan baucar-baucar bayaran bagi perbelanjaan 2025 yang telah lengkap (Pengesahan Baucar) ke Unit Bayaran, Jabatan Perbendaharaan untuk tindakan pembayaran.		16 Jan 2026 (Jumaat)
	Memastikan baucar kerja kontrak yang telah selesai dilaksanakan pada atau sebelum 31 Disember 2025 (Rabu) dibayar dengan peruntukan tahun 2025 dan dikemukakan ke Unit Bayaran, Jabatan Perbendaharaan.		
Selepas daripada 15 Disember 2025, perbelanjaan di bawah <u>PERUNTUKAN AMANAH</u> yang telah selesai dilaksanakan dan mempunyai Tarikh Penilaian di dalam Perakuan Bayaran Terakhir (BKK-MBI16) di dalam tahun kewangan 2025, tetapi pembayaran tidak dapat dilakukan pada tahun tahun kewangan 2025, hendaklah dicajkan kepada tahun kewangan 2026 pada dokumen berikut:- i. Baucar Bayaran ii. Bayaran Kemajuan Kerja (BKK) iii. Laporan Kerja Siap (AK 2)			
8.			

**PEKELILING KEWANGAN BIL. 01/2025 :
PENUTUPAN AKAUN BAGI TAHUN KEWANGAN 2025**

8.	Baucar Bayaran (samb.)	23 Jan 2026 (Jumaat)
	Tarikh Akhir penghantaran baucar yang dikuiri termasuk PERUNTUKAN AMANAH yang telah selesai dilaksanakan dan mempunyai Tarikh Penilaian di dalam Perakuan Bayaran Terakhir (BKK-MBI16) di dalam tahun kewangan 2025, hendaklah dibuat pembayaran dan dikemukakan ke Unit Bayaran, Jabatan Perbendaharaan.	
	Selepas daripada 23 Jan 2026, perlu diingatkan bagi perbelanjaan yang menggunakan PERUNTUKAN AMANAH yang telah selesai dilaksanakan dan mempunyai Tarikh Penilaian di dalam Perakuan Bayaran Terakhir (BKK-MBI16) di dalam tahun kewangan 2025, tetapi pembayaran tidak dapat dilakukan pada tahun tahun kewangan 2025, perlu disertakan bersama peruntukan bajet 2026 / Jadual bayaran balik yang telah diluluskan.	
	Sila pastikan semua baucer bayaran bagi setiap perkhidmatan/ bekalan /kerja disokong dengan dokumen yang lengkap, sempurna dan teratur mengikut Arahan Perbendaharaan 99 dan 102.	
9.	Hasil	
	Memastikan bil-bil Jualan Tunai bagi tahun 2025, perlu dikutip di dalam tahun 2025. Bagi bil yang tidak dapat dijelaskan pada tahun 2025, bil tersebut hendaklah DIBATALKAN berserta dengan justifikasi.	
	Memastikan semua hasil-hasil Majlis yang layak DIKTIRAF dalam tahun 2025 telah dibilkan dalam tahun semasa, terutamanya hasil penswastan dan sewaan.	

**PEKELILING KEWANGAN BIL. 01/2025 :
PENUTUPAN AKAUN BAGI TAHUN KEWANGAN 2025**

4. Sebarang **permohonan lanjutan tempoh** bagi mana-mana perkara dalam pekeliling ini hendaklah dikemukakan beserta justifikasi kepada **Pengarah Perbendaharaan Bandaraya** untuk pertimbangan dan kelulusan.

5. Kerjasama pihak tuan/puan memastikan anggota di Jabatan /Unit tuan/puan mengambil perhatian terhadap perkara ini dan mematuhi tarikh-tarikh akhir yang ditetapkan. Sekiranya gagal berbuat demikian, pihak tuan/puan adalah bertanggungjawab ke atas sebarang masalah yang timbul berhubung dengan perkara ini.

6. Adalah diharapkan dengan kerjasama tuan/puan pada perkara di atas dapat memastikan **Penutupan Akaun Majlis Bagi Tahun Kewangan 2025** dapat dilaksanakan dengan jayanya. Pekeliling ini adalah berkuatkuasa serta merta pada tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian dimaklumkan.

"MALAYSIA MADANI"


"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"IPOH BESTARI SEJAHTERA"

"IPOH BANDAR RAYA PELANCONGAN UTAMA NEGARA 2025"

"IPOH BANDAR RAYA PINTAR DAN RENDAH KARBON 2030"

Saya yang menjalankan amanah,



(ZAMAKHSHARI BIN HANIPAH)
Datuk Bandar Ipoh

"PERAK SEJAHTERA 2030"